



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 8 SEPTEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENYELUDUPAN HAIWAN RUMINAN JEJAS PENTERNAK, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	FAHMI: RICE SHORTAGE ISSUE MUST BE PRIORITISED, NATION, NEW STRAITS TIMES, M/S – 15	
3.	SELUDUP HAIWAN ADA KAITAN DADAH, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	
4.	BERAS TEMPATAN BUKAN TAK LAKU, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 13	
5.	BERAS KEKURANGAN STOK, KEMENTERIAN DIGESA SEGERA TAMBAH BEKALAN, NASIONAL, BERITA HARIAN – 3	
6.	'CURB LIVESTOCK SMUGGLING TO PROTECT FARMERS', NATION, THE STAR, M/S – 4	
7.	BERAS TEMPATAN MUDAH BASI PUNCA TIADA SAMBUTAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 5	
8.	BANYAK JETI PENDARATAN NELAYAN PERLU DINAIK TARAF, NEGARA, KOSMO, M/S - 6	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	MADA IDENTIFIES ALMOST 10,000HA FOR DEVELOPMENT, NATION, THE STAR, M/S – 9	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	MADA KENAL PASTI 10,000 HEKTAR SAWAH UNTUK PEMBANGUNAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
11.	AGROBANK SEDIA ENAM BANK BERGERAK, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 9	AGROBANK
12.	REBAN TERTUTUP UPM PEMBEKAL TELUR, K-KAMPUS, KOSMO, M/S – 15	LAIN – LAIN
13.	REBAN CANGGIH BEKAL 1,200 TELUR SEGAR SETIAP HARI, K-KAMPUS, KOSMO, M/S – 16 & 17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

Penyeludupan haiwan ruminan jejas penternak

KOTA BHARU - Penternak tempatan di negeri berhampiran sempadan Malaysia-Thailand akan terkesan sekiranya penyeludupan haiwan ruminan terus berlaku.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kemasukan haiwan itu secara haram akan menggugat harga pasaran daging tempatan malah menimbulkan risiko penularan penyakit.

"Mengikut rekod, sebanyak 70,000 ekor lembu diseludup tahun lalu.

"Apabila ada penyeludupan, harga daging ditawarkan lebih murah sekali gus memberi masalah kepada penternak tempatan," katanya di Kampung Seribong di sini pada Ahad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2025	NEW STRAITS TIMES	NATION	15

DWINDLING STAPLE

Fahmi: Rice shortage issue must be prioritised

TAWAU: Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil has acknowledged rice shortages in several areas, including supermarkets in this district.

He said checks revealed that rice was among the most frequently redeemed items by recipients, causing stocks to run out, with only imported varieties left on the shelves.

"I will notify the Agriculture and Food Security Ministry to ensure that rice supply, particularly in certain areas, is replenished without delay.

"This issue must be prioritised because rice is one of the most requested essentials," he said after inspecting the implementation of the Sumbangan Asas Rahmah (Sara) programme here, yesterday.

He also called for a more de-



Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil (left) inspecting goods for sale at a supermarket in Tawau, yesterday. With him is ministry secretary-general Datuk Mohamad Fauzi Md Isa (second from right).
BERNAMA PIC

tailed stock monitoring mechanism, based on purchasing data from each supermarket, to prevent further disruptions.

He added that he had received complaints about the limited number of redemption locations in some constituencies, including Merotai, where only two outlets were currently participating in the programme.

Fahmi said the number of participating businesses had since grown to over 7,300, compared with just 2,000 when the scheme was launched.

On the issue of overlapping claims, including misuse of lost

MyKad for purchases, he said the matter would be raised at the next cabinet meeting.

He also stressed the importance of an immediate assistance channel, such as a MyKasih hotline, to enable cashiers to report cases.

"The programme is progressing well, but supply issues must be given priority to ensure recipients fully enjoy the benefits announced by the prime minister."

The *New Straits Times* has reached out to Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali for comments.

Seludup haiwan ada kaitan dadah

KOTA BHARU - Penyeludupan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan boleh dikaitkan dengan kegiatan sindiket yang menjalankan seludup dadah ke negara ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penyeludupan dadah merupakan salah satu daripada tiga kesan buruk hasil daripada membawa masuk haiwan ternakan secara haram ke negara ini.

Menurutnya, kesan pertama bagi penyeludupan ternakan adalah harga jualan lembu dan kambing yang jauh lebih murah



daripada harga yang ditetapkan di pasaran.

"Haiwan-haiwan tersebut juga tidak diperiksa tahap penyakit atau kesihatannya dan semua aspek itu perlu di jaga. Selain itu, penyeludupan haiwan ternakan juga melibatkan kes seludup dadah ke negeri ini.

"Kita boleh lihat kes-kes pnyalahgunaan dadah di Kelan-

tan sangat tinggi. Kita tidak tahu apa yang berlaku di kampung-kampung. Semua aspek itu perlu dikawal dan kepentingan rakyat perlu di jaga," katanya selepas Majlis Perasmian Kandang Ternakan Lembu Wagyu Kelfarm Sdn. Bhd. di Seribong di sini semalam.

Mohamad berkata, sehubungan itu, terdapat undang-undang di negara ini yang melibatkan kes-kes penyeludupan dianggap sedikit keras, namun sebenarnya ia dilakukan untuk kepentingan rakyat.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, sindiket pengedaran dadah dikesan menggunakan taktik dengan memasukkan dadah ke dalam buntut haiwan.



MOHAMAD (dua dari kiri) semasa melawat kandang lembu wagyu selepas Majlis Perasmian Kandang Ternakan Lembu Wagyu Kelfarm Sdn. Bhd. di Seribong, Kota Bharu semalam. - MUSTAQIM MOHAMED

Beras tempatan bukan tak laku



TULIS NAMA
ATAS BATU

AZMI TARMIZI

Minggu lalu, media melaporkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menjalankan kajian mendalam berhubung isu beras tempatan yang dikatakan kurang laku dalam pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, keadaan itu berlaku susulan kadar harga beras tempatan tidak terlalu jauh berbeza dengan beras import ketika ini.

Pelik bukan, kenapa beras tempatan semakin kurang laku, sedangkan kita sendiri negara pengeluar padi?

Beras ialah makanan ruji rakyat tetapi bila beras tempatan sendiri tak laku, itu bukan sekadar soal dapur. Itu cerminan cara negara ini diurus. Apakah yang menjadi halangan untuk kerajaan bertindak dengan cekap bagi menangani masalah ini?

Ironi, bukan? Sawah hijau luas terbentang, tapi rak kedai dan pasar raya

penuh dengan beras import. Ibarat kata pepatah, kera di hutan disusukan anak di rumah mati kelaparan.

Rata-rata pengguna menganggap beras import lebih cantik dengan butirannya panjang, tidak mudah patah, teksturnya pula lebih lembut apabila dimasak.

Beras tempatan pula sering dikaitkan dengan butiran patah, bercampur hampa, dan cepat basi. Walaupun tidak semua varieti begitu, persepsi ini sangat kuat sehingga menjejaskan jualan.

Lagipun harga beras tempatan dan beras import tak jauh beza. Bagi rakyat, beli mahal sedikit tidak apa asalkan kualitinya bagus dan tahan lama.

Kata sahabat saya, Hazri ketika kami berbual kelmarin, beras tempatan bukan tak laku tetapi selalu ghaib.

"Tak tahu hilang ke mana. Mustahil beras tempatan boleh hilang begitu sahaja kerana padi masih tetap ditanam dan dituai mengikut musim," katanya.

Ada yang kata ini kerja kartel. Seperti kita belajar konsep penawaran dan permintaan. Apabila mereka simpan, bekalan di pasaran jadi kurang. Jadi mereka boleh menaikkan harga. Ini perbuatan tak bertanggungjawab.

Akhirnya pengguna pilih beras import, sebab berbaloi dengan harga dan stok pula sentiasa ada.

Perkara itu diakui pemborong yang memaklumkan orang ramai lebih cenderung membeli beras import berbanding beras tempatan.

Ini kerana katanya, beras import kini dijual dengan harga sekitar RM30 hingga RM31 bagi 10 kilogram tidak jauh beza dengan harga beras tempatan.

"Stok beras tempatan saya ambil 100 kampak sekali hantar, dua bulan lepas dalam tiga hingga empat kali hantar, tapi bulan ini masuk minggu kedua pun tak habis lagi.

"Tapi beras import masih jalan macam biasa. 200 kampak sekali hantar, sebulan boleh sampai empat kali hantar. Kita boleh jual 400 hingga 500 kampak sebulan, termasuk kepada peniaga," katanya seperti dilapor *Sinar Harian*.

Polemik berhubung tempatan ghaib di pasaran ini bukan baru tetapi sudah berlarutan sejak dua tahun lalu.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan mengarahkan stok bekalan barang keperluan itu didedahkan ke seluruh negara.

Kerajaan pada Februari 2024 memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani untuk menggantikan kategori beras putih tempatan dan import di pasaran pada harga RM30 dengan berat 10 kilogram sekampak.

Nama saja tukar tetapi tetap tidak

menyelesaikan masalah kerana atas da-
lih hendak hapuskan manipulasi pasar-
an dan memotivasikan pesawah serta
industri beras sehingga pengguna kena
bayar harga lebih tinggi.

Beras Rahmah yang murah pula tidak
ada di pasaran, kena tunggu Jualan
Rahmah baru ada.

Terdapat juga dakwaan bahawa ada
pihak mencampurkan beras import de-
ngan beras tempatan. Ini adalah satu
bentuk manipulasi pasaran yang berlaku
dalam tempoh beberapa tahun ke-
belakangan ini.

Barangkali menteri kena periksa guni
beras satu-satu. Mungkin ada beras
tempatan dalam beras yang disyihar
import itu. Ada yang kata rakyat tak pa-
triotik sebab tak sokong beras tempatan.
Tapi rakyat bukan bodoh. Walaupun me-
reka tahu beza nasi sedap dengan nasi
basi, mereka tidak ada pilihan.

Jika isu ini tidak ditangani, negara
akan semakin bergantung kepada import
dan merupakan suatu risiko besar bagi
keselamatan makanan negara. Sudah
tiba masanya agenda keterjaminan
makanan diadakan agenda utama nega-
ra. Jika nak lakukan reformasi, inilah
masanya.

* Azmi Tarmizi ialah
Pengarang Eksekutif Editorial Sinar Harian

TARIKH

8/9/2025

MEDIA

SINAR
HARIAN

RUANGAN

NASIONAL

MUKA
SURAT

13

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	3

Beras kekurangan stok, kementerian digesa segera tambah bekalan

Tawau: Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil mengakui timbul masalah kekurangan stok beras di beberapa lokasi termasuk di beberapa pasar raya di daerah ini.

Beliau berkata, tinjauan beliau mendapati beras menjadi antara produk paling laris ditebus penerima sehingga menyebabkan kehabisan stok, manakala bekalan yang tinggal pula bukan beras tempatan.

"Saya akan maklumkan kepada pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), untuk memastikan bekalan beras terutama di kawasan tertentu ditingkatkan segera.

"Hal ini perlu diberi keutamaan kerana ia antara barang paling banyak diminta," katanya pada sidang media selepas meninjau pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di sini, semalam.

Fahmi turut mencadangkan mekanisme pemantauan stok lebih teliti dilakukan berdasarkan data pembelian daripada setiap pasar raya bagi mengelak gangguan bekalan.

Selain itu, katanya, beliau me-



Fahmi melihat harga barangan ketika meninjau pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di sebuah pasaraya di Merotai, Lahad Datu, semalam.

(Foto BERNAMA)

nerima aduan berhubung kekurangan lokasi tebus barangan di beberapa kawasan, termasuk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Merotai yang ketika ini hanya mempunyai dua premis bagi pelaksanaan program SARA.

Katanya, jumlah premis bagi pelaksanaan SARA kini sudah

meningkat kepada lebih 7,300 berbanding hanya 2,000 ketika ia mula dilaksanakan dan angka itu diyakini boleh diperluaskan.

Mengenai isu tuntutan bertindih termasuk penggunaan MyKad orang lain yang dilaporkan hilang, Fahmi berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri

akan datang, selain menekankan keperluan mewujudkan saluran bantuan segera seperti hotline MyKasih untuk dimaklumkan kepada juruwang.

"Secara keseluruhannya program ini berjalan baik, cuma isu bekalan perlu diberi keutamaan agar penerima benar-benar dapat menikmati manfaat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2025	THE STAR	NATION	4

'Curb livestock smuggling to protect farmers'

KOTA BARU: Local livestock farmers in states bordering Thailand will be affected if the smuggling of ruminant animals continues unabated, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said the illegal entry of such animals will disrupt local meat market prices and pose the risk of spreading animal diseases that are not screened by the Veterinary Services Department.

"According to records, a total of 70,000 heads of cattle were smuggled throughout last year.

"If this smuggling continues, farmers near the border, including in Kelantan and Kedah, will be affected.

"We know the people can generally accept meat prices between RM25 and RM35 per kg, but when smuggling occurs, cheaper meat is offered, which creates problems for local farmers," he said when launching Kelfarm Sdn Bhd's Wagyu cattle farm in Kampung Seribong here yesterday, Bernama reported.

Mohamad said all parties need to work together to tackle the issue to prevent it from persisting and negatively impacting local farmers.

"Perhaps those who allow the illegal entry of ruminant animals may earn several thousand ring-



Moo-ving along: Mohamad (third from right) observing the herd at the Kelfarm Sdn Bhd Wagyu farm launching in Kampung Seribong. — Bernama

git, but they must remember that such actions harm the nation."

Meanwhile, Mohamad said his ministry is working to increase the production of high-quality meat to meet domestic demand and reduce import dependency.

"Based on data for hybrid cattle

breeding, Wagyu cattle farming recorded a total of 481 heads as of June this year, compared with only around 393 in 2024.

"This increase shows growing demand for local Wagyu beef."

When asked whether the unrest in Indonesia would affect the

country's import activities, Mohamad said the turmoil had no significant impact on Malaysia's imports.

"The country's food supply and security are not threatened due to the unrest. Things have calmed down there," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Beras tempatan mudah basi punca tiada sambutan

PETALING JAYA: Kualiti beras tempatan yang dikatakan mudah basi, berbau dan cepat lembik menjadi antara punca utama ia kurang mendapat sambutan dalam pasaran tempatan ketika ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, faktor tersebut menyebabkan ramai pengguna lebih cenderung memilih beras import meskipun kerajaan menawarkan beras putih tempatan (BPT) pada harga RM26 bagi 10 kilogram.

Katanya, keadaan itu turut disebabkan isu manipulasi gred pemutuan beras oleh pihak pengilang yang didakwa tidak telus.

“Contohnya, pada label kimpit beras tempatan tertera hanya lima peratus beras hancur, tetapi kandungan sebenarnya didapati jauh lebih tinggi mencecah antara 15 hingga 25 peratus.

“Walaupun rakyat menerima bantuan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sebanyak RM100, mereka tetap memilih beras import kerana berasa tertipu dengan kualiti dan kandungan beras tempatan yang tidak setara,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata sedang menjalankan kajian mendalam

berhubung penurunan permintaan terhadap beras tempatan, disebabkan perbezaan harga dengan beras import tidak begitu ketara.

Abdul Rashid berkata, harga belian padi pada kadar RM1,500 per tan metrik belum mencerminkan kos sebenar ditanggung pesawah, sekali gus membebankan mereka yang menjadi tulang belakang pengeluaran beras negara.

Katanya, selain pesawah, pihak pengilang dan pemborong juga berdepan pelbagai kos tambahan seperti kos operasi dan gaji pekerja.

“Sudah tentu beban kos itu menyebabkan situasi *repack* (pembungkusan semula) semula beras tempatan, seperti yang pernah berlaku sebelum ini.

“Sebagai contoh, jika kos pengeluaran mencecah RM3 sekilogram tetapi diminta menjual pada harga RM2.60, itu bermakna kami menjual di bawah harga modal,” katanya.

Katanya, Pesawah pernah mencadangkan agar harga lantai padi dinaikkan kepada RM1,800 per tan manakala harga jualan beras ditetapkan sekitar RM3.60 hingga RM3.80 sekilogram selari dengan realiti semasa.

“Malah, jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand, harga pasaran beras tempatan jauh lebih tinggi berbanding di Malaysia,” katanya.

Banyak jeti pendaratan nelayan perlu dinaik taraf

KUALA TERENGGANU – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berharap dapat terus menerima peruntukan sewajarnya bagi terus membela kebajikan hampir 90,000 nelayan tempatan dalam pembentangan Bajet 2026 pada 10 Oktober depan.

Ketua Pengarah LKIM, Hamdan Mamat berkata, tumpuan perlu diberikan bagi menaik taraf kemudahan jeti pendaratan ikan di seluruh negara.

Beliau berkata, sebahagian fasiliti untuk nelayan tersebut didapati dalam keadaan uzur sehingga menyukarkan kerja-kerja pendaratan ikan oleh nelayan.

"Harap kerajaan dapat meluluskan penyediaan fasiliti untuk nelayan dan pembalakan kompleks-kompleks pendaratan (dalam pembentangan Bajet 2026).

"Banyak jeti pendaratan ikan perlu dibaik pulih untuk membantu komuniti nelayan. Saya juga berharap kerajaan-kerajaan negeri dapat mempermudahkan urusan kelulusan tanah (bagi pembinaan fasiliti nelayan)," katanya di Chendering di sini semalam.

Beliau ditemui selepas menyerahkannya bantuan peralatan menangkap ikan kepada 99 ne-

layan Terengganu.

Hamdan berkata, LKIM juga berharap golongan nelayan dapat terus menikmati subsidi dan insentif seperti bantuan sara hidup bulanan dan perumahan yang sedang dinikmati nelayan pada masa ini.

Katanya, bantuan Sara Hidup RM300 sebulan yang kini dinikmati kira-kira 33,000 nelayan berkeyakinan seluruh nelayan amat bererti buat golongan itu terutama sewaktu musim tengkujuh.

"Mereka tetap menerima bantuan sara hidup RM300 sebulan sewaktu tidak dapat turun ke laut pada musim bah," katanya.



HAMDAN (tiga dari kiri) beramah mesra dengan nelayan yang menerima bantuan menangkap ikan di Chendering, Kuala Terengganu semalam.

Mada identifies almost 10,000ha for development

BALING: The Muda Agricultural Development Authority (Mada) has identified nearly 10,000ha of its padi fields that could potentially be converted for development, including housing and industrial projects.

Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh said that most of the identified areas are located around Alor Setar and Jitra, in Kedah.

Currently, Mada manages

approximately 100,000ha of padi fields.

He said the new area identified for potential conversion from padi cultivation to development covers nearly 10,000ha, with mapping carried out by the district office.

"When the mapped area was overlaid onto Mada's own maps, it came to a total of almost 10,000ha," he told reporters here yesterday.

However, Ismail clarified that the entire 10,000ha would not be developed at once, as the process would take place gradually over time.

He added that if any padi fields under Mada's supervision are converted for development, the agency will ensure they are replaced with new cultivation areas to safeguard the country's food security.

He said Mada is in the process

of acquiring about 3,000ha of land for padi cultivation, which will expand its total area to 103,000ha.

"Although some prime or urban areas within the Mada region may be converted for housing or industrial use, new areas will be developed to replace them," he said, Bernama reported.

On Saturday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the Federal Government had

agreed to allow the status of padi fields in the state's urban areas to be converted for housing and industrial development.

"I have shared my views, and the Cabinet has agreed that we can slightly reduce the size of the rice bowl area.

"The state secretary is in discussions to identify new areas so that Kedah's needs in terms of industry, housing and commerce can be met," Anwar said.

MADA kenal pasti 10,000 hektar sawah untuk pembangunan

Kawasan tanaman padi berpotensi digantikan untuk projek industri, perumahan

Baling: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengenal pasti hampir 10,000 hektar kawasan sawah bawah seliaannya berpotensi digantikan dengan pembangunan lain, termasuk perumahan dan industri.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Is-

Kedah ditukar bagi tujuan pembangunan perumahan dan industri.



Keratan akhbar BH, semalam.

mail Salleh, berkata kehanyakan kawasan itu membabitkan kawasan tanaman padi di sekitar Alor Setar dan Jitra.

"Kawasan baharu yang dikenal pasti untuk penukaran (daripada tanaman padi kepada pembangunan) dalam hampir 10,000 hektar yang pemetaannya sudah dibuat pejabat daerah.

"Pemetaan (kawasan yang boleh dibangunkan) itu bila letak atas peta kami (MADA), maka itulah jumlahnya hampir 10,000 hektar (kawasan tanaman padi)," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Bagaimanapun, Ismail berkata, jumlah 10,000 hektar kawasan tanaman padi itu tidak dibangunkan sekali gus kerana pembangunan akan berjalan dari semasa ke semasa.

Keterjaminan makanan negara

Beliau berkata, sekiranya kawasan tanaman padi seliaan MADA ditukar untuk pembangunan, pihaknya akan berusaha menggantikan dengan kawasan tanaman baharu akan

bagi menjamin keterjaminan makanan negara.

Katanya, ketika ini, MADA menyelia kira-kira 100,000 hektar kawasan sawah dan menjalankan usaha memperluaskan kawasan itu, termasuk di luar kawasan MADA.

"MADA kini mendapatkan kira-kira 3,000 hektar tanah untuk dijadikan kawasan tanaman padi yang akan meningkatkan keluasan kawasannya kepada 103,000 hektar.

"Walaupun mungkin dalam kawasan MADA, prime area, kawasan bandar mungkin berlaku sedikit penukaran kepada perumahan dan industri, tetapi kawasan-kawasan baharu akan

menggantikan," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dilaporkan berkata Kerajaan Persekutuan bersetuju status kawasan tanaman padi di bandar utama Kedah ditukar bagi tujuan pembangunan perumahan dan industri.

"Saya bagi pandangan dan Je-maah Menteri bersetuju untuk kita pertuas sedikit kawasan pembangunan dengan mengurangkan kawasan jelapang padi.

"Setiausaha Kerajaan Negeri sedang berunding bagi mengenal pasti kawasan baharu supaya keperluan Kedah daripada aspek industri, perumahan dan komersial dapat dijamin," kata Anwar.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	9

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Agrobank menyediakan enam unit bank bergerak bagi memastikan pelanggan menikmati akses perbankan yang lebih mudah, efisien dan inklusif terutama di kawasan luar bandar menerusi Program Pemulih Kerajaan yang memfokuskan kepada masyarakat di luar bandar.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata dua bank bergerak ditempatkan masing-masing di Sabah, Sarawak dan Kelantan.

Katanya, perkhidmatan berkenaan memberi tumpuan kepada kawasan luar bandar dengan populasi sekitar 5,000 hingga 10,000 penduduk.

"Agrobank sentiasa komited untuk memperkukuh peranannya dalam pembangunan luar bandar dengan matlamat utama untuk mencapai keterangkuman kewangan.

"Antara perkhidmatan yang ditawarkan melalui inisiatif ini termasuk penyimpanan serta pengeluaran wang, pembukaan akaun simpanan, pendaftaran takaful, pembayaran bil utiliti dan khidmat nasihat pembiayaan.

"Komitmen Agrobank dalam memperluaskan rangkaian bank bergerak ini jelas mencerminkan usaha berterusannya dalam menyediakan perkhidmatan solusi inovatif dan berfokuskan pelanggan, sejajar dengan keperluan komuniti luar bandar di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Bank Bergerak dan Kampung Angkat MADANI di Kampung Pantai Mek Mas,

PERLUAS AKSES PERBANKAN UNTUK PENDUDUK LUAR BANDAR

Agrobank sedia enam bank bergerak



MOHAMAD (dua dari kanan) diringi Tengku Ahmad Badli (kanan) merasmikan Majlis Pelancaran Bank Bergerak dan Kampung Angkat MADANI di Kampung Pantai Mek Mas.



MOHAMAD (duduk kanan) berkesempatan bermain dam haji bersama penduduk kampung.

di sini, Sabtu lalu.

Hadir sama merasmikan majlis, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Ma-

nan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Tengku Ahmad Badli berkata di Kelantan, jarak an-

tara penempatan penduduk di kawasan pedalaman dengan cawangan perbankan terdekat boleh men-

ceh 30 kilometer atau kira-kira 40 minit perjalanan sehala.

"Keadaan ini menyukarkan mereka untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan asas, justeru, inisiatif bank bergerak ini meliputi kawasan sekitar Kota Bharu, Jeli, Machang, Bachok dan Kuala Krai.

"Inisiatif ini amat signifikan sebagai saluran utama penyediaan perkhidmatan kewangan kepada masyarakat setempat, khususnya dari kawasan pedalaman.

"Keadaan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya inisiatif sebegini dalam membantu masyarakat luar bandar yang berdepan kekangan akses terhadap kemudahan perbankan,"

katanya.

Dalam perkembangan sama, pada majlis yang sama, Agrobank turut menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM10,000 sempena pelancaran Kampung Angkat Madani.

Jelasnya, sumbangan terbabit disalurkan kepada 50 keluarga terpilih di beberapa kampung sekitar Kelantan, iaitu Kampung Pantai Mek Mas, Kampung Pantai Kundur dan Kampung Kuala Besar.

"Selain itu, Agrobank turut menyalurkan sumbangan zakat bernilai RM10,000 yang memberi manfaat kepada 100 orang pelajar asnaf dari Sekolah Kebangsaan Pulau Kundur, di sini.

"Program Kampung Angkat Madani ini bertujuan merapatkan jurang antara desa dan bandar dengan melengkapkan kemudahan asas penduduk demi meningkatkan taraf hidup mereka.

"Agrobank berharap sumbangan zakat yang disalurkan dapat meringankan beban keluarga, khususnya dalam memenuhi keperluan asas harian mereka," katanya.

"Agrobank sentiasa komited perkuh pembangunan luar bandar"
Tengku Ahmad Badli



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2025	KOSMO	K-KAMPUS	15

Reban tertutup UPM pembekal telur



Di Ladang 15 yang terletak di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor berdiri sebuah reban ayam penelur tertutup yang mampu menghasilkan purata lebih 1,200 biji telur segar setiap hari.

Malah, UPM kini merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang memiliki sebuah reban ayam penelur tertutup yang dilengkapi dengan teknologi terkini bagi tujuan pembelajaran.

Reban tersebut dibina adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar Bachelar Sains Haiwan di UPM mendalami ilmu secara praktikal sebelum mereka masuk bekerja di dalam industri.

Pembangunan reban ayam penelur tertutup ini adalah cetusan idea Dekan



Pembangunan reban ayam penelur tertutup ini adalah cetusan idea Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Loh Teck Chwen untuk para pelajar mendalami ilmu secara praktikal. Bidang Pengajian sains haiwan di UPM telah ditawarkan sejak 15 tahun lalu dan masalah utama yang dihadapi adalah fasiliti praktikal yang tidak mencukupi."

Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Loh Teck Chwen untuk para pelajar mendalami ilmu secara praktikal.

Teck Chwen berkata, bidang pengajian sains haiwan di UPM telah ditawarkan sejak 15 tahun lalu dan masalah utama yang dihadapi adalah fasiliti praktikal yang tidak

mencukupi.

Menurutnya, pihak fakulti mendapat maklum balas daripada pihak industri yang mengatakan bahawa pelajar mereka agak lemah dari segi praktikal.

"Mereka tidak ada pengalaman dari segi praktikal dan kita memerlukan fasiliti-fasiliti

sesuai yang digunakan di dalam industri untuk tujuan tersebut.

"Tetapi dengan bantuan pihak industri kita mampu untuk membina reban ayam pedaging tertutup dan reban ayam penelur secara tertutup sepertimana yang digunakan oleh pihak industri bagi membolehkan pelajar mendalami ilmu secara praktikal," kata Teck Chwen kepada K-Kampus.

Reban ayam pedaging tertutup telah dibina oleh pihak industri Malayan Flour Mills Berhad dan AGCO GSI (Malaysia) Sdn. Bhd. pada 10 tahun lalu.

Sementara untuk reban ayam penelur tertutup pula ia dibina oleh QL Resources Berhad yang merupakan sebuah syarikat pengeluar telur terbesar dan diserahkan kepada UPM pada awal tahun lalu.



MIOR MOHD. NIZAM melayani pelanggan yang datang untuk membeli telur segar di Ladang 15, UPM, Serdang baru-baru ini. — AMIR KHALID

MENGULAS lanjut Teck Chwen berkata, sebelum ini mereka juga mempunyai reban ayam penelur terbuka dan pembelajaran pengurusan lebih bersifat konvensional.

"Tetapi untuk reban ayam penelur tertutup yang baharu ini, ia lebih canggih dan dilengkapi dengan teknologi terkini termasuk kecerdasan buatan (AI).

"Semua sistem di dalam reban ini adalah automatik di mana kita boleh mengawal suhu di dalam reban, pengumpulan telur secara automatik dan lain-lain lagi seperti mana yang digunakan di dalam industri.

"Selain belajar menguasai teknologi tersebut, pelajar juga didedahkan dengan kaedah pengurusan haiwan dari aspek kesihatan, vaksinasi, pemakanan dan lain-lain lagi," jelasnya.

Tambah Teck Chwen, apabila para pelajar ini tamat pengajian kelak mereka sudah mempunyai pengalaman sebenar untuk bekerja di dalam industri ataupun menjadi usahawan dalam bidang ini.

Malah, kerjasama strategik dengan industri juga membolehkan sebahagian graduan terus diserap bekerja sebaik tamat pengajian.

Malah, dianggarkan 20 hingga 30 peratus graduan UPM dalam bidang ini kini berkhidmat dengan syarikat ternakan ayam besar di Malaysia.

Teck Chwen berkata, kerjasama bersama pihak industri dalam bidang pertanian pada ketika ini amat diperlukan.

"Apabila kita menjalin kerjasama bersama industri ia memberi banyak kebajikan kepada pelajar terutamanya.

"Jalinan kerjasama ini bagi memudahkan para pelajar yang sudah mempunyai ilmu pengetahuan terutama dalam bidang praktikal untuk diterima kerja di dalam industri.

"Ini juga memudahkan pihak industri kerana mereka akan menerima tenaga kerja yang sudah mahir," terangnya.

Kata Teck Chwen lagi, ini juga merupakan sebahagian daripada pelan strategik UPM sendiri untuk memperkasa keterjaminan makanan dengan menghasilkan bakat-bakat yang berkualiti dalam bidang pertanian.

Teck Chwen berharap, lebih banyak pemain industri tampil membantu membina fasiliti moden di universiti.


Melalui cara ini, lebih ramai pelajar dapat merasakan pengalaman sebenar, sekali



Rencana
Utama

Oleh
FARID AHMAD
TARMIJ

Reban canggih bekal 1,200 telur segar setiap hari



PENGGREDAN telur dilakukan sebaik sahaja telur dikumpulkan dan ia dijual kepada pelanggan pada hari yang sama.

gus menjadikan pendidikan pertanian, khususnya sains haiwan dan veterinar di Malaysia setaraf negara maju.

"Kalau kita nak hasilkan graduan yang relevan, kita kena dekatkan mereka dengan

realiti industri.

"Inilah masa depan pendidikan kita," katanya.

Dalam pada itu, reban ayam penelur tertutup yang terletak di Ladang 15, UPM



INFO Ladang 15 UPM


- Mempunyai reban ayam penelur tertutup
- Hasilkan 1,200 biji telur setiap hari yang membekalkan telur kepada warga UPM dan komuniti sekitar
- Reban itu dibina oleh QL Resources Berhad

berada di bawah kelolaan Pembantu Veterinar, Mior Mohd. Nizam Mior Mohd. Shopi bersama pasukannya.

Menurutnya, pengurusan di Ladang 15 meliputi keseluruhan rantai, bermula daripada penjagaan kesihatan ayam, kebersihan reban sehinggalah pemasaran telur.

"Reban ini sebenarnya mampu menempatkan sehingga 2,000 ekor ayam penelur, tetapi ketika ini ia diisi hampir 1,500 ekor ayam daripada baka Hise Brown.

"Setiap hari, ayam-ayam penelur ini mampu menghasilkan purata lebih 1,200



REBAN ayam penelur tertutup yang terletak di Ladang 15, UPM, Serdang, Selangor.

biji telur dan kutipan bermula seawal pukul 8.30 pagi selepas pemeriksaan rutin ayam dilakukan.

Tambahnya, telur ini kemudian akan melalui proses pengedaran mengikut gred iaitu AA, A, B dan C sebelum dijual kepada pelanggan pada hari yang sama.

Malah, telur ayam yang dihasilkan daripada reban tertutup itu mendapat permintaan tinggi dalam kalangan warga UPM serta masyarakat sekitar.

Harga ditawarkan mengikut gred pasaran semasa.

Pihak ladang turut memberikan jaminan penggantian sekiranya terdapat aduan berhubung kualiti bagi meningkatkan keyakinan pembeli terhadap produk UPM.

Mior Mohd. Nizam menjelaskan, ayam penelur di reban itu akan terus bertelur sehingga umurnya 90 minggu.

"Ayam ini mula bertelur pada usianya 18 minggu dan akan terus produktif bertelur sehingga umurnya 90 minggu.

"Dalam tempoh masa ini, seekor ayam ini mampu untuk menghasilkan purata enam biji telur dalam masa seminggu.

"Selepas 90 minggu, ayam ini sudah tidak produktif untuk terus bertelur dan kita akan menggantikannya dengan ayam penelur baharu yang kita ternak sendiri," ulasnya.

Mior Mohd. Nizam juga mengakui bahawa antara cabaran utama menguruskan reban itu adalah kos makanan ayam yang tinggi, selain kebimbangan pada peringkat awal sama ada telur dapat dipasarkan.

"Namun dengan bantuan media sosial, promosi mulut ke mulut, serta sokongan komuniti, semua telur kini boleh dikatakan habis dijual setiap hari.

"Apa yang lebih penting, hasil jualan ini digunakan semula untuk menampung kos makanan ayam dan penyelenggaraan, manakala fokus utama kekal pada aspek pengajaran dan pembelajaran pelajar."

jelasnya.

Tujuan utama projek ini adalah untuk pengajaran dan perkongsian teknologi kepada para pelajar.

Pelajar tak perlu lagi pergi jauh ke ladang industri, kerana model reban ayam penelur tertutup yang ada di situ hampir sama, cuma dalam skala lebih kecil.

Sementara itu, Penolong Pegawai Veterinar Ladang 15 UPM, Mohamad Naim Sablun berpendapat bahawa, pelajar mendapat manfaat yang besar dengan adanya reban ayam penelur tertutup yang sama seperti digunakan oleh pihak industri.

"Pelajar daripada program Bachelor Sains Haiwan akan mengikuti sesi amali di sini.

"Mereka berpeluang untuk belajar tentang pengurusan makanan dan nutrisi ayam, kawalan penyakit, vaksinasi, sistem automasi makanan dan minuman, sehinggalah ke aspek biosekuriti untuk menerima pelawat luar," katanya.



ATAS: Mohd. Naim meninjau telur-telur dihasilkan hampir 1,500 ayam di reban tertutup itu yang beroperasi secara automatik.

BANDAR: Ayam penelur yang menghuni reban ini adalah baka Hisex Brown.

